



NOTA MAKLUMAT DAN PANDUAN MERIN
MARINE INFORMATION AND GUIDANCE NOTE

NMPM 2/2010

JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.
Tel: 03-3346 7600 Fax: 03-3168 5289 E-mail: kpgr@marine.gov.my
<http://www.marine.gov.my>

PROGRAM BIASISWA LATIHAN DAN PEMBANGUNAN KERJAYA PELAUT

SEAFARER'S CAREER DEVELOPMENT AND TRAINING SCHOLARSHIP PROGRAMME

Nota kepada Pemilik Kapal, Syarikat Perkapalan, Nakhoda Kapal dan Pelaut

Note to Ship Owners, Shipping Companies, Ship's Masters and Seafarers.

Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (KumpulanWang Pusat Perdagangan Laut) 1984 adalah dirujuk.

Merchant Shipping (Central Mercantile Marine Fund) Rules 1984 is referred

Dimaklumkan bahawa Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPPL) telah melancarkan satu program pembiayaan bagi pembangunan kerjaya pelaut. Program ini kini hanya adalah dikhaskan bagi perakuan bahagian dek dan injin untuk had pelayaran persisiran pantai.

2. Jenis-jenis kursus yang terlibat dalam program adalah seperti didalam **Lampiran 1**.

3. Biasiswa KWPPPL merangkumi pembayaran yuran kursus (termasuk kursus-kursus modular yang diperlukan) dan juga penginapan serta elaun makan. Calon yang berjaya akan dikehendaki menandatangani perjanjian dengan KWPPPL dan sebagai satu keperluan pemberian biasiswa, calon tersebut akan dikehendaki untuk berkhidmat di atas kapal bendera Malaysia selama tidak kurang dari 24 bulan setelah memperoleh perakuan kekompetenan.

4. Pelaut yang memenuhi kriteria-kriteria seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran 2** hendaklah membuat permohonan menggunakan borang seperti di **Lampiran 3**.

Please be informed that the Central Mercantile Marine Fund (CMMF) has launched a scholarship programme for the development of seafarer's career at sea. This program is now only open for near coastal voyages certification which includes deck and engine departments.

2. *The types of courses for which the programme applies is attached in **Appendix 1**.*

3. *The CMMF Scholarship will constitute a grant covering course (including all required modular courses) fees as well as lodging and food allowances. The successful candidate shall be required to sign a contract with CMMF and as part of the condition of the scholarship. The candidate shall be required to sail on Malaysian flagged ships for at least 24 months after obtaining the certificate of competency.*

4. *Seafarers who fulfill the criteria as attached in **Appendix 2** are required to apply using the application form as attached in **Appendix 3**.*

5. KWPPPL hanya akan membuat tapisan berdasarkan permohonan yang diterima, dan calon-calon yang terpilih akan dipanggil menghadiri temuduga. Hanya calon yang terpilih sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Temuduga bukanlah bererti permohonan diluluskan.

6. Borang permohonan yang tidak lengkap akan menyebabkan permohonan di tolak.

7. Permohonan yang lengkap beserta dengan dokumen sokongan hendaklah dihantar tidak lewat pada 15th Mei 2010 ke;

Jabatan Laut Semenanjung Malaysia,
Ibu Pejabat Laut,
Peti Surat 12, Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Kelang,
Selangor Darul Ehsan.
(u.p: Ketua Penolong Pengarah Unit
Pembangunan Pelaut)

5. *On receiving the application forms, CMMF will shortlist candidates to attend an interview conducted by CMMF. Only shortlisted candidates will be invited to attend the interview. The interview itself does not constitute approval of application.*

6. *Incomplete application forms will result in the application being rejected.*

7. *All completed application forms and documents shall be submitted not later than 15th May 2010 to;*

*Marine Department Peninsular Malaysia,
Marine Headquarters,
P.O. Box 12, Foreshore Road,
42007 Port Klang,
Selangor Darul Ehsan.
(attn: Principal Assistant Director Seafarer's
Development Unit)*

Pengarah Laut / Director of Marine
Tarikh: 13 April 2010

SENARAI KURSUS
LIST OF COURSES

BAHAGIAN DEK
DECK DEPARTMENT

1. Officer in charge of Navigational Watch of 500GT or more Near Coastal Trade Voyage
2. Master and Chief Mate of Between 500GT and 3000GT Near Coastal Trade Voyage
3. Master and Chief Mate of 3000GT or more Near Coastal Trade Voyage

BAHAGIAN INJIN
ENGINE DEPARTMENT

1. Officer in charge of Engineering Watch of 750kW or more Near Coastal Trade Voyage
2. Chief and Second Engineer of Between 750kW and 3000kW Near Coastal Trade Voyage
3. Chief and Second Engineer of 3000kW or more Near Coastal Trade Voyage

KRITERIA CALON / CANDIDATE'S CRITERIA

1. Warganegara Malaysia (*Malaysian Citizen*)
2. Pelaut yang berdaftar dengan KWPPPL
(*Holds a valid registration with CMMF*)
3. Berumur sekurang-kurangnya 20 tahun
(*At least 20 years of age*)
4. Mempunyai perkhidmatan laut yang diluluskan tidak kurang dari 3 tahun
(Sekurang-kurangnya 12 bulan diatas kapal yang melebihi 500 G.T)
(*Has an approved sea service of at least 3 years of which not less than 12 months is on ships more than 500 GT*)
5. Telah menjalankan tugas-tugas pengawasan anjung / bilik enjin dibawah seliaan Nakhoda / Ketua Juruenjin semasa dalam perkhidmatan laut, tidak kurang 6 bulan
(*Has done watchkeeping on bridge/engine under the supervision of Master/Chief Engineer for a period of not less than 6 months*)
6. Mendapat Sokongan daripada Nakhoda kapal atau Ketua Juruenjin
(*Obtains testimonial from Master/Chief Engineer*)
7. Mempunyai tata kelakuan yang baik dan tiada rekod tindakan disiplin dikenakan kepadanya.
(*Has good record of conduct with having no disciplinary action record*)
8. Mampu menulis dan bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris.
(*Able to read and write in Malay and English languages*)
9. Calon yang mempunyai bukti pembelajaran semasa diatas kapal adalah digalakkan seperti buku kerja dan buku latihan yang disahkan oleh Nakhoda / Pegawai Kapal.
(*Having evidence of onboard training i.e.completing training record book is encouraged.*)
10. Calon dikehendaki menulis esei kepada Panel Pemilihan sebelum sesi temuduga (digalakkan menggunakan Bahasa Inggeris) tidak kurang 150 patah perkataan menyatakan pengalaman, halatuju kerjaya dan sebab calon layak untuk geran.
(*Candidate is required to write an essay of not less than 150 words on his experience, ambition and why he should be suitable for the grant*)

BORANG PERMOHONAN BANTUAN KWPPL
APPLICATION FORM OF CMMF GRANT

1	Nama Penuh <i>Full Name</i>	:	_____
2	Nombor Pelaut <i>Seafarer Number</i>	:	_____
3	Nombor Kad Pengenalan <i>Identification Card No</i>	:	_____
4	Alamat Surat Menyurat <i>Mailing Address</i>	:	_____ _____ _____
5	Nombor Telefon (R/P) <i>Telephone Number(H/O)</i>	:	_____
6	Nombor Telefon Bimbit <i>Mobile phone Number</i>	:	_____
7	Kursus yang dipohon <i>Course apply</i>	:	_____
8	Perakuan yang dipegang <i>Certificate hold</i>	:	_____

.....
(tanda tangan pemohon)

.....
(tarikh permohonan)

No	Document Sokongan <i>Supporting Documents</i>		Sila tandakan (✓) bagi dokumen yang disertakan <i>Please mark (✓) below for</i> <i>attached document</i>
1	Buku Perkhidmatan Laut <i>Discharge Book</i>	:	<input type="checkbox"/>
2	Surat sokongan dari Nakhoda atau Ketua Juruenjin <i>Supporting letter from Master or Chief Engineer</i>	:	<input type="checkbox"/>
3	Salinan sijil kursus modular yang telah dihadiri <i>Copy of attended modular certificate</i>	:	<input type="checkbox"/>
4	Karangan / essei <i>Essay</i>	:	<input type="checkbox"/>
5	Salinan Perakuan Kekompetenan <i>Copy of Certificate of Competency</i>	:	<input type="checkbox"/>
6	Salinan kad pengenalan <i>Copy of Identification card</i>	:	<input type="checkbox"/>
7	Lain – lain <i>Others</i>	:	<input type="checkbox"/>